

PM terima pengunduran MB Perlis

KUALA LUMPUR, Selasa — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menerima perletakan jawatan Datuk Haji Jaafar Hassan sebagai Menteri Besar Perlis.

Datuk Haji Jaafar juga berhenti dari Ketua Perhubungan UMNO Perlis dan Ketua Bahagian UMNO Kangar, tetapi mengekalkan kerusinya di Dewan Undangan Negeri sebagai wakil kawasan Bintong.

Setiausaha Politik Perdana Menteri, Megat Junid bin Megat Ayub

Oleh
JAMALUDDIN BAKAR

memberitahu, Datuk Seri Dr. Mahathir akan mencalonkan nama Pemangku Menteri Besar sekarang, Haji Ali Ahmad (ADUN Oran) kepada Raja Perlis sebagai pengganti Datuk Haji Jaafar, tidak lama lagi.

Beliau berkata, keputusan tersebut diambil hasil perbincangan 'dari hati ke hati' selama 45 minit antara Perdana Menteri dengan Datuk Haji Jaafar dan empat orang rombongannya, di Jabatan Perdana Menteri, di sini pagi ini.

Menyerah

Dalam perbincangan itu, kata Megat Junid, Datuk Haji Jaafar menyerahkan surat perletakan jawatan sebagai Menteri Besar dan jawatan Ketua Perhubungan UMNO Negeri dan juga Ketua UMNO Bahagian Kangar.

"Perdana Menteri bersetuju dengan perletakan jawatan tersebut tetapi meminta Datuk Haji Jaafar terus menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Bintong sehingga pilihanraya umum akan datang," katanya.

Datuk Haji Jaafar menemui Perdana Menteri bersama rombongan Jawatankuasa Bertindak Cawangan-cawangan UMNO Kawasan Bintong yang merayu agar Datuk Seri Dr. Mahathir jangan menerima perletakan jawatan tersebut.

Mereka mahu Datuk Haji Jaafar terus memegang jawatan Menteri Besar sehingga pilihanraya umum akan datang atau selepas Perhimpunan Agung UMNO tahun depan.

Antara alasan yang diberi termasuk mengelakkan perpecahan di bahagian tersebut.

Menurut Megat Junid, Datuk Seri Dr. Mahathir menolak memorandum tersebut kerana Datuk Haji Jaafar sendiri

bersetuju meletakkan jawatan.

Sementara itu, dalam satu pertemuan dengan Berita Harian, Datuk Haji Jaafar memberitahu, beliau mematuhi apa jua keputusan pucuk pimpinan parti.

"Saya menerima keputusan tersebut dengan hati terbuka tanpa merasa tersinggung dan kecil hati," katanya.

Menolak

Terangnya, beliau mengambil keputusan meletakkan jawatan disebabkan kesihatannya tidak begitu memuaskan selepas menjalani pembedahan saluran darah ke jantung awal tahun ini.

Katanya, setelah berkhidmat sebagai Menteri Besar selama 10 tahun, beliau akan terus memberi sumbangan kepada parti selagi khidmatnya diperlukan.

Datuk Haji Jaafar bagaimanapun enggan mengulas lebih lanjut mengenai kedudukannya kerana beliau terpaksa mengadap Raja Perlis terlebih dahulu mengenai perkara tersebut.

"Saya tidak mahu membuat sebarang kenyataan mengenai perkara itu sebelum mengadap Raja Perlis," katanya.

Meletak

Beliau bercadang mengadap Raja Perlis minggu depan.

Berita Harian difahamkan, Datuk Haji Jaafar akan bersara mulai bulan depan memandangkan cuti sakitnya berakhir hujung bulan ini.

Kelmarin, beliau dan rombongan Jawatankuasa Bertindak itu mengunjungi Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam dan mengadakan perbincangan dari hati ke hati.

Datuk Haji Jaafar mensifatkan pertemuan dengan kedua pemimpin tersebut sebagai "mesra dan memuaskan".

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia